

Rujukan Kami : -----
Tarikh : 25 Mac 2014

Mahasiswa/Mahasiswi
Kolej -----
Universiti Putra Malaysia
Serdang

Siswa/Siswi,

CUTI PERTENGAHAN SEMESTER KEDUA SESI 2013/2014

Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **07 hingga 13 April 2014 (Isnin - Ahad) selama satu (1) minggu.** Sehubungan itu semua pelajar Kolej ----- dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

1. **Kunci bilik :** **Kunci bilik tidak perlu dikembalikan**, namun semua pelajar dikehendaki meninggalkan bilik dalam keadaan bersih, pintu dan tingkap dikunci serta memastikan semua suis alatan elektrik dipadamkan sebelum meninggalkan bilik.
2. **Penyimpanan barang:** **Pelajar boleh menyimpan barang di dalam bilik** tetapi pihak pengurusan kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan barang yang disimpan. Pastikan barangangan yang berharga dibawa pulang.
3. **Penginapan semasa cuti :** Bagi pelajar yang tidak pulang bercuti, anda dikehendaki mengisi Borang Penginapan Semasa Cuti Semester dengan bayaran sebanyak RM4.00 sehari/seorang dan hendaklah dibayar sebelum menginap.
4. **Kesalahan dan denda:**
 - i) **Pelajar yang tinggal di Kolej tanpa kebenaran** akan dikenakan denda dan bayaran seperti berikut: Denda RM 25.00 , Bayaran penginapan RM 4.00 / sehari yang dikira bermula hari pertama bermula cuti dan dipotong mata merit sebanyak 10 mata.
 - ii) **Pelajar yang menumpangkan orang lain di bilik mereka** akan dikenakan denda RM 25.00 dan dipotong mata merit sebanyak 10 mata.

Staf dan Felo akan membuat pemeriksaan di setiap bilik dari masa ke semasa.

Pihak Pengurusan Kolej mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan.

"SELAMAT BERCUTI DAN BERHATI-HATI DI JALAN RAYA"

"BERILMU BERBAKTI"

Yang benar,

(NAMA PENGETUA)

Pengetua

Kolej -----

- s.k.: - Timbalan Naib Canselor (HEP & Alumni) UPM
- Pengetua KMR, K2, KTDI, KC, K5, K6, KOSASS,
KPZ, K10, K11, K12, K13, K14, K15, K16, K17
- Pengarah Keselamatan, UPM
- Felo-felo Kolej -----
- Presiden MTM Kolej -----